

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 14, 2019 10:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-KMEK Jalin Hubungan Rapat



14 MAC 2019 / 07 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM-KMEK JALIN HUBUNGAN RAPAT



UUM ONLINE: Bagi mengukuhkan lagi hubungan rapat antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan pengamal media di negeri ini, Naib Canselor telah menerima kunjungan hormat Kelab Media Elit Kedah (KMEK) di Balai Tamu, petang tadi.

Dalam pertemuan hampir satu jam itu, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah diberi penerangan tentang penubuhan KMEK dan peranan serta fungsi Kelab oleh Presiden, Kumaran Rajamoney.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, beliau berbesar hati kerana KMEK masih memilih Naib Canselor sebagai Penasihat Kelab dan beliau juga berbesar hati untuk membantu Kelab dalam memberi khidmat nasihat.

Selain itu, beliau juga berharap pengamal media di negeri Kedah dapat membantu UUM untuk meningkatkan lagi nama universiti dalam pelbagai bidang, di samping memberi khidmat dan sumbangan membangunkan masyarakat.

Sementara itu, Kumaran yang merupakan wartawan dari TV3 juga menyatakan hasrat Kelab untuk menjadikan UUM sebagai rakan strategik dan menjalinkan kerjasama lebih erat yang akan memberi manfaat kedua pihak.

Menurutnya, KMEK dan UUM telah lama bekerjasama dan saling membantu menaikkan nama baik dan imej universiti memandangkan Naib Canselor UUM merupakan Penasihat Kelab sejak penubuhan KMEK 2011 lagi.

Hadir sama Setiausaha Kelab, Roshila Murni Rosli dan AJK, Eric Tan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.